



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM) DENGAN MAJLIS PERUNDINGAN PERTUBUHAN ISLAM MALAYSIA (MAPIM) DAN SPECTRE MD SDN. BHD.

Jalinan Kerjasama Bagi Tujuan Agihan Kebajikan dan Kemanusiaan serta Pembangunan Ekosistem Digital Wakaf YWM

-
1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan entiti wakaf peringkat Kebangsaan yang sentiasa komited dan proaktif dalam meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan dana wakaf tunai dan CSR.
 2. Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) merupakan gabungan beberapa buah NGO yang memperjuangkan aspirasi Islam di Malaysia. MAPIM merupakan penggerak utama aktiviti kebajikan dan kemanusiaan di dalam dan luar negara. Manakala, Spectre MD Sdn. Bhd. Merupakan syarikat swasta yang berkepakaran dalam pembangunan perisian teknologi terutamanya di dalam penyelesaian sistem digital dan proses pentadbiran berasaskan teknologi maklumat terkini.
 3. Sejak dengan matlamat langkah kehadapan YWM dan nilai yang dibawa oleh rakan kerjasama, majlis ini merupakan simbolik kepada usaha memperkasakan pengurusan serta aktiviti kutipan dan agihan di YWM.
 4. Menerusi kerjasama bersama MAPIM, skop pengagihan kebajikan dan aktiviti kemanusiaan di YWM akan diperluaskan dan bergerak dengan lebih strategik dengan melibatkan di dalam dan luar negara. Antara program agihan kebajikan yang dicadang dan diperincikan menerusi kerjasama ini adalah:
 - a) Misi Bencana Alam Dalam dan Luar Negara (Banjir, Tanah Runtuh, Gempa, Bumi dan lain-lain)
 - b) Projek Pemulihan Pasca Bencana Dalam dan Luar Negara
 - c) Projek Segmen Sosial dan Prihatin Dalam Negara
 - d) Misi Kemanusiaan Luar Negara
 - e) Agihan Kebajikan Dalam Negara
 5. Manakala, YWM bakal meningkatkan tahap pengurusan dan terimaan wakaf melalui pewujudan ekosistem digital yang disediakan oleh pihak Spectre MD Sdn. Bhd. Jalinan kerjasama ini signifikan dalam membantu memperkasa

penjenamaan dan pengurusan khususnya dari segi terima wakaf tunai YWM menerusi pendekatan teknologi dan inovasi digital.

6. Turut hadir menyaksikan adalah YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia. Sesi menandatangani memorandum persefahaman ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM bersama YBhg. Dr. Ahmad Sani Bin Dato' Abdul Alim Araby, Ketua Pegawai Eksekutif MAPIM dan YBrs. Encik Khairul Nizam Othman, Pengarah Eksekutif Spectre MD Sdn. Bhd.
7. Semoga usaha ini dapat membantu memperkasakan lagi wakaf di Malaysia di mana hasilnya kelak akan memberi manfaat kepada pembangunan sosioekonomi ummah.

- TAMAT -

Yayasan Waqaf Malaysia
8 Februari 2024

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my
2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my